



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
25 Februari 2026



Perkemas akta, elak elemen aniaya terhadap pekerja gig



Pensyarah Kanan
Institut
Asia-Eropah,
Universiti Malaya

Oleh Dr Zahari Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Ekonomi gig kini menjadi sebahagian penting daripada landskap pekerjaan Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan semai 3.45 juta individu atau 20.7 peratus daripada keseluruhan 16.7 juta guna tenaga negara pada 2025 terabit dalam pekerjaan tidak formal termasuk pekerjaan dalam sektor gig.

Pada 2023 pula, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menganggarkan kira-kira 1.12 juta individu terabit dalam ekonomi gig merangkumi sektor p-hailing, e-hailing, pekerja bebas, perkhidmatan dalam talian dan pelbagai aktiviti berkaitan.

Dalam keadaan ekonomi tidak menentu dan kos sara hidup meningkat, pekerjaan gig sering dilihat sebagai penyelesaian praktikal. Namun, pada masa sama, ia turut mewujudkan kewujudan situasi 'prekariati institusi' memberi kesan langsung kepada kesejahteraan pekerja.

Prekariati institusi merujuk kepada keadaan pekerjaan tidak stabil bukan sahaja dari sudut pendapatan, tetapi dari segi perlindungan undang-undang, keselamatan sosial dan keadilan prosedural. Dalam ekonomi gig, ketidakstabilan ini diperkukuh struktur kerja dipacu algoritma.

Ramai pekerja melaporkan kadar tambang semakin menurun serta kebergantungan kepada insentif berasaskan prestasi. Pendapatan harian sering berubah-ubah bergantung kepada jumlah tempahan, lokasi dan waktu puncak. Dalam keadaan permintaan rendah, pekerja terpaksa bekerja lebih lama bagi mencapai sasaran pendapatan minimum.

Lebih membimbangkan, kawalan algoritma memberi kesan langsung kepada kesinambungan pekerjaan. Bergantungan akaun boleh berlaku secara tiba-tiba, tempahan boleh dibatalkan secara automatik dan mekanisme rayuan tidak selalu jelas atau pantas.

Apabila akaun digantung, pendapatan hilang serta-merta. Dalam ekonomi bergantung kepada aliran tunai harian, situasi ini memberi tekanan besar kepada pekerja dan keluarga mereka. Pekerja juga menanggung sendiri kos operasi seperti minyak, penyelenggaraan kenderaan dan risiko kemalangan jalan raya.

Walaupun terdapat insurans dan skim keselamatan sosial, penyertaan tidak menyeluruh dan dalam sesetengah kes, perlindungan bergantung kepada prestasi tempahan dan kadar pembatalan. Keadan ini menggambarkan bagaimana risiko pekerjaan dipindahkan hampir sepenuhnya kepada pekerja.

Dalam konteks inilah Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) muncul sebagai inisiatif perundangan penting. Buat pertama kali, Malaysia mempunyai undang-undang khusus mengiktiraf pekerja gig sebagai kategori pekerjaan memerlukan perlindungan tersendiri.

Antara kekuatan utama akta ini ialah pengiktirafan formal terhadap hubungan kerja gig. Akta ini memperkenalkan standard minimum kontrak, kewajipan ketelusan terhadap sistem berautomasi serta hak pekerja untuk dimaklumkan mengenai faktor mempengaruhi pendapatan mereka. Ini langkah besar ke arah mengurangkan ketidakpastian institusi.

Penubuhan Tribunal Pekerja Gig juga membuka ruang kepada mekanisme penyelesaian pertikaian lebih tersusun. Sebelum ini, pekerja sering bergantung kepada saluran aduan dalaman platform yang tidak semestinya memihak kepada mereka.

Kini, wujud saluran rasmi lebih bebas dan telus.

Sedia peruntukan pampasan

Akta ini turut menyediakan peruntukan pampasan bagi penggantungan akaun, satu pengiktirafan penting bahawa kehilangan akses kepada platform bermakna kehilangan sumber pendapatan. Selain itu, penubuhan Majlis Perundingan memberi ruang kepada dialog antara kerajaan, platform dan wakil pekerja bagi menilai struktur pendapatan minimum.

Secara keseluruhan, akta ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk menyesuaikan kerangka perundangan dengan realiti ekonomi digital.

Walaupun akta ini satu langkah progresif, beberapa kelemahan masih wujud. Isu paling ketara ialah jurang antara peruntukan undang-undang dan pelaksanaan sebenar.

Pertama, aspek ketelusan algoritma masih memerlukan perincian lebih jelas. Walaupun akta mewajibkan pemberitahuan mengenai sistem berautomasi, piawaian audit dan akses data masih belum diperincikan. Tanpa mekanisme pemantauan kukuh, ketelusan mungkin kekal bersifat simbolik.

Kedua, pampasan bagi penggantungan akaun mungkin tidak mencukupi dalam realiti pendapa-

tan yang tidak stabil. Kehilangan akses kepada platform walaupun untuk tempoh singkat boleh memberi kesan besar kepada pekerja.

Ketiga, keberkesanan tribunal dan majlis perundingan bergantung kepada kapasiti institusi. Jika sumber tidak mencukupi atau proses terlalu perlahan, perlindungan dihasratkan mungkin tidak dirasakan pekerja. Tanpa penguatkuasaan kukuh, risiko jurang pelaksanaan boleh menjejaskan impak sebenar akta ini.

Bagi memastikan Akta Pekerja Gig mencapai matlamatnya, beberapa langkah tambahan perlu dipertimbangkan. Pertama, kerajaan boleh memperkenalkan kerangka kadar tambang minimum bermarah mengambill kira kos operasi sebenar seperti bahan api dan penyelenggaraan kenderaan. Ini menyediakan garis perlindungan asas kepada pekerja.

Kedua, kerajaan perlu memastikan perlindungan kemalangan ditawarkan sesetengah penyedia platform berbandkan kepada prinsip perlindungan sejagat berasaskan kerja. Setiap pekerja aktif bekerja harus dilindungi tanpa syarat jumlah tempahan atau kadar pembatalan.

Ketiga, pendekatan pelesenan bersyarat platform boleh dilaksanakan. Pembaharuan lesen operasi boleh dikaitkan dengan pematuhan terhadap standard perlindungan pekerja dan ketelusan algoritma.

Kesepuluh, penubuhan Dana Penstabil Pendapatan Mikro boleh membantu pekerja yang digantung akaun dalam menghadapi gangguan pendapatan sementara. Kelima, skim subsidi penyelenggaraan kenderaan boleh mengurangkan beban kos operasi dan meningkatkan keselamatan jalan raya.

Ekonomi gig bukan sekadar fenomena sementara, tetapi sebahagian daripada transformasi ekonomi digital negara. Akta Pekerja Gig 2025 adalah langkah penting ke arah perlindungan lebih baik.

Namun, kejayaan sebenar bergantung kepada keberanian memperkukuh pelaksanaan dan menuntut jurang dasar. Dengan pendekatan komprehensif, Malaysia berpotensi membangunkan model ekonomi gig bukan sahaja fleksibel dan inovatif, tetapi adil dan mampan untuk semua.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“Penubuhan Tribunal Pekerja Gig juga membuka ruang kepada mekanisme penyelesaian pertikaian lebih tersusun. Sebelum ini, pekerja sering bergantung kepada saluran aduan dalaman platform yang tidak semestinya memihak kepada mereka”



Akta 872 mengiktiraf pekerja gig sebagai kategori pekerjaan memerlukan perlindungan tersendiri.

(Foto hiasan)

Gig worker talks intensify

Stakeholders engaged ahead of Act 872 enforcement

PUTRAJAYA: Engagement sessions with key stakeholders in the country's gig worker sector has been intensified ahead of the enforcement of the Gig Worker Act 2025 (Act 872), which is expected to come into force at the end of March.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan (*pic*) said the process of enacting a new law is complex and requires careful consideration, balance and in-depth discussions to ensure workers' interests are protected, without jeopardising the sustainability of the industry.

Referring to an engagement session on Feb 23 with several key stakeholders in the gig worker sector, he said the platform provided ample opportunity for representatives to voice their views, raise concerns and submit suggestions for improvement.

"We held discussions while exa-

mining issues related to social protection, contribution security, dispute resolution mechanisms, fair income structures and the role of platform providers in ensuring a balanced sharing of responsibilities.

"I will also bring forward each of these discussion points to the next engagement session with other stakeholders, including platform providers," he said in a post on Facebook yesterday.

His deputy, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, was also present at the engagement session together with Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia, Malaysia Bumiputera Makeup Artist Association, National Association for Interpreters and



Translators, Deaf Advocacy and Well-Being National Organisation Malaysia, and Gabungan eHailing Malaysia.

Ramanan said that sound policies are born out of a deep understanding of on-the-ground realities and listening directly

to gig workers provides perspectives which cannot be obtained solely through reports and statistics.

"What is clear is that gig workers today are no longer a small or temporary sector. They form an essential part of the country's economic backbone.

"Many of them are the primary breadwinners of their families and some have even chosen gig work as a long-term career.

"Therefore, policy approaches

cannot be halfway measures. The framework must be comprehensive, realistic and centred on workers' well-being," he said.

Ramanan stressed that no policy is drafted behind closed doors, as every decision undergoes a thorough consultation process.

He added that he, together with the ministry's top management, will carefully examine every view to ensure the development of a sustainable, progressive and balanced protection framework, for both workers and the industry – not merely the passage of an act.

The Dewan Negara on Sept 9, 2025, passed the Gig Worker Bill 2025, marking a new milestone in protecting more than 1.2 million gig workers in Malaysia and putting an end to the era of legal vacuum for the group.

Act 872 was gazetted on Dec 31, 2025, after receiving Royal Assent on Dec 16, 2025.